



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN KEBENARAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT DAN**  
**SOLAT BERJEMAAH TERMASUK SOLAT SUNAT TARAWIH DAN**  
**SOLAT SUNAT AIDILFITRI DI MASJID, SURAU JUMAAT DAN**  
**SURAU TERPILIH DI ZON HIJAU, WILAYAH-WILAYAH**  
**PERSEKUTUAN SEPANJANG PKPB**

**Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh masjid dan surau Jumaat sebelum solat Jumaat dilakukan?**

Langkah-langkah adalah seperti berikut-

1. Mewujudkan kaunter terhad bagi pemeriksaan suhu badan, sanitasi tangan dan serta rekod kehadiran jemaah.
2. Memastikan jemaah berwuduk di rumah sebelum hadir ke masjid dan surau Jumaat dan membawa sejadah masing-masing. Jemaah tanpa wuduk tidak dibenarkan masuk.
3. Memastikan Jemaah memakai penutup hidung dan mulut (*face mask*) dan menggunakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*).
4. Memastikan jemaah merekodkan nama di dalam buku kehadiran yang disediakan.
5. Memastikan ahli Jemaah yang membawa kad pengenalan diri sahaja dibenar masuk. Jemaah yang gagal, diarah pulang.

6. Membuka pintu masjid sejam sebelum azan dan ditutup sejeurus selesai doa dibacakan.
7. Memastikan hanya yang dibenarkan sahaja memasuki masjid dan surau Jumaat.
8. Diingatkan supaya tidak bersalaman dan bersentuhan sepanjang berada di masjid, surau Jumaat atau surau.
9. Jemaah diingatkan segera meninggalkan masjid dan surau Jumaat selepas solat.

**Adakah jemaah boleh menggunakan tandas di masjid atau surau Jumaat?**

Jemaah tidak dibenarkan menggunakan tandas di masjid atau surau Jumaat. Penggunaan hanya untuk kecemasan sahaja. Bilangan tandas juga dihadkan.

**Selepas solat jemaah selesai didirikan, bolehkah solat Jemaah kedua dilakukan?**

Solat Jemaah kedua tidak dibenarkan Selepas solat jemaah pertama selesai didirikan. Kebenaran mendirikan Jemaah dihadkan untuk sekali sahaja.

**Sekiranya wuduk seseorang Jemaah terbatal, adakah dia boleh berwuduk semula di masjid atau surau Jumaat?**

Berwuduk semula di masjid atau surau Jumaat tidak dibenarkan. Jemaah perlu terus balik ke rumah.

**Bagaimana kaedah pemilihan ahli kariah bagi mencukupkan bilangan 30 jemaah?**

JAWI menetapkan ahli jemaah hendaklah terdiri daripada Pengerusi JK Masjid, Ketua Imam, AJK Kariah, semua Pegawai Masjid, Pengerusi Surau Jumaat, Imam Ratib, Pembantu Bilal, semua AJK Surau Jumaat dan Petugas Masjid/Surau. Bagi mencukupkan bilangan 30 orang, Ketua Imam Masjid dan Pengerusi Surau Jumaat hendaklah memilih ahli kariah tertentu bagi mencukupkan bilangan maksima Jemaah yang dibenarkan iaitu tidak melebihi 30 orang.

Ahli kariah yang dipilih sebagai Jemaah akan dimaklumkan secara mesej/ whatsapp berkenaan pemilihan ini. Nama ahli jemaah akan dicatat dalam buku kehadiran. Hanya mereka yang menerima mesej/ whatsapp sahaja dibenarkan hadir dan membuat pendaftaran.

### **Adakah individu Muslim berkewajipan mencari masjid untuk melaksanakan solat Jumaat pada waktu ini?**

Pada asasnya, solat Jumaat adalah wajib. Namun, dalam tempoh PKPB ini, masjid dan surau Jumaat yang dibenarkan melaksanakan solat Jumaat adalah terhad di Zon Hijau dengan bilangan Jemaah yang terhad pula. Individu lelaki Muslim yang berdekatan dengan masjid atau surau Jumaat yang melaksanakan solat Jumaat digalakkan memohon kepada masjid atau surau Jumaat berkenaan untuk sama-sama dipilih dalam solat Jumaat.

### **Adakah masjid dan surau Jumaat mempunyai petugas mencukupi untuk melakukan pemeriksaan dan mengawal kehadiran Jemaah?**

Di masjid, terdapat pegawai dan kakitangan tetap seramai 3 orang selain ahli jawatankuasa yang berjumlah seramai 11 orang dan pegawai masjid serta petugas lantikan masjid. Bagi melaksanakan kawalan terhadap ahli Jemaah seramai 30 orang, kekuatan tenaga kerja mencukupi. Kekuatan surau Jumaat adalah Pengerusi, AJK surau Jumaat, imam ratib dan petugas yang dilantik oleh surau Jumaat.

Tempoh yang diberikan untuk hadir ke masjid dan surau Jumaat adalah 1 jam sebelum azan. Tempoh ini mencukupi untuk pemeriksaan dan pendaftaran nama ahli jemaah. Pintu akan ditutup setelah azan dikumandangkan.

Pegawai dari JAWI akan melakukan pemantauan di semua masjid dan surau Jumaat. Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan dimaklumkan bagi tujuan pemantauan.

**Sekiranya sesuatu masjid atau surau Jumaat pada hari ini diisytiharkan Zon Hijau tetapi keesokan harinya disytiharkan Zon Kuning atau merah, apa tindakan JAWI?**

Bagi masjid dan surau Jumaat yang disytiharkan Zon Kuning atau merah, JAWI akan mengeluarkan arahan supaya ditangguhkan.

**Apakah asas kepada JAWI memberi kebenaran Masjid, Surau Jumaat Dan Surau Terpilih Di Zon Hijau bagi melaksanakan solat mendirikan Solat Jumaat Dan Solat Berjemaah Termasuk Solat Sunat Tarawih Dan Solat Sunat Aidilfitri?**

Kebeneran JAWI ini bersandarkan kepada keputusan Mesyuarat Khas Jawankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan yang bersidang pada 14 Mei 2020 dan setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya semua masjid, surau Jumaat dan surau-suru terpilih dalam zon hijau boleh mendirikan solat Jumaat, solat berjemaah setiap waktu termasuk solat sunat terawih dan solat sunat Hari Raya Aidilfitri.

JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN  
15 MEI 2020